

HASiL/2026/03/02 - 16

PORTAL MYTAX TELAH PULIH SEPENUHNYA

CYBERJAYA, 2 MAC 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa portal MyTax kini telah pulih sepenuhnya dan beroperasi seperti biasa.

Untuk makluman, isu ketidakstabilan portal MyTax telah berlaku sejak pagi hari ini. Dalam tempoh gangguan tersebut, sistem masih boleh diakses namun sebilangan pengguna telah mengalami masalah kelewatan capaian sistem.

Sejak perkhidmatan e-Filing dibuka pada 1 Mac 2026, HASiL telah menerima lebih 320,000 Borang B dan Borang BE daripada pembayar cukai individu bagi tahun taksiran 2025. Jumlah ini menggambarkan tahap pematuhan dan komitmen berterusan pembayar cukai dalam menunaikan tanggungjawab percukaian secara sukarela.

HASiL merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih atas kesabaran serta kerjasama semua pembayar cukai. HASiL komited untuk terus memastikan sistem perkhidmatan berada pada tahap optimum demi kemudahan semua pembayar cukai.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAI PINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 2 Mac 2026